

## HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca helaian maklumat produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima kemudahan Pembiayaan Invois (IF) dari Malayan Banking Berhad (Maybank). Terma dan syarat harus dibaca bersama dengan Surat Tawaran dan Perjanjian Fasiliti (jika berkenaan).

**MALAYAN BANKING BERHAD**

**Pembiayaan Invois (IF)**

### 1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Invois (IF) ialah sebuah fasiliti pinjaman jangka pendek yang diberi kepada peminjam untuk membiayai belian / jualan / import / eksport barangan dan perkhidmatan. IF juga boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi yang berkaitan dengan penghasilan barangan, pelaksanaan perkhidmatan, dan jualan. Setiap permohonan pengeluaran IF harus disertakan bersama dokumen sebagai bukti transaksi jual beli barang / perkhidmatan / perbelanjaan adalah sah.

### 2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?

- Dibiaya dalam Ringgit Malaysia (RM) atau matawang lain yang diluluskan, dengan jumlah minima RM 30,000.00 bagi setiap pengeluaran, atau nilai yang sama dalam matawang yang lain.
- Lebih dari satu Invois boleh dihantar bagi setiap pengeluaran, dengan syarat amaun minima RM 1,000.00 untuk setiap invois.
- Pinjaman diberi sehingga 100% amaun Invois.
- Tempoh maksima pinjaman adalah 180 hari, atau seperti yang diluluskan pihak Bank.
- Kadar IF adalah berdasarkan Kadar Asas Pinjaman (BLR) atau Kos Dana (COF) bagi matawang yang terlibat ditambah dengan margin.
- IF dibenarkan untuk pembiayaan transaksi melibatkan transaksi jual beli Akaun Terbuka (Open Account). (Nota: Akaun Terbuka merujuk kepada transaksi di mana barang atau perkhidmatan telahpun diberi sebelum bayaran diterima, melainkan transaksi yang melibatkan Surat Kredit (LC) atau Kutipan Dokumen (DA/DP)).
- Untuk pembiayaan jualan dan eksport berasaskan COF, fi dan caj akan didebit dahulu semasa pengeluaran IF dilakukan. Untuk pembiayaan lain, fi dan caj akan didebit pada tarikh matang IF.

### 3. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?

- Pastikan bahawa permohonan dan dokumen sokongan yang diberi kepada pihak Bank adalah dari transaksi jual beli semasa yang sah.
- Pastikan bahawa dokumen yang dihantar untuk pembiayaan tidak pernah dan tidak akan dibiayai oleh sumber pembiayaan yang lain.
- Pastikan baki akaun mencukupi dan pihak Bank diberi hak dan kuasa untuk mendebit akaun untuk sebarang faedah atau caj berkaitan dengan pembiayaan IF termasuk bayaran balik pada tarikh matang IF.

### 4. Apakah caj lain yang perlu saya bayar?

Kadar IF	BLR / COF matawang + margin seperti yang tertulis pada Surat Tawaran. Dikira pada kadar peratusan tahunan atas jumlah hari hingga tarikh matang BA.
Fi Pengurusan	RM 50.00 untuk setiap transaksi
Pos	Dari RM 5.00, bergantung kepada jarak
Kurier	Dari RM 15.00, bergantung kepada syarikat kurier dan jarak
Caj Lain (jika ada)	Seperti yang tertera pada Surat Tawaran dan laman sesawang korporat bank di <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>

#### 5. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Pihak Bank boleh mendebit akaun anda secara paksa jika bayaran balik tidak diterima pada tarikh matang IF.
- Tunggakan akan dicaj kadar penalti Kadar Asas Pinjaman (BLR) + 3.5% setahun
- Apabila terdapat tunggakan IF, peminjam tidak akan dibenarkan untuk membuat pengeluaran IF lain atau menggunakan kemudahan Bank yang lain.
- Pihak bank berhak memulakan proses pemulihan pinjaman / tindakan undang-undang.

#### 6. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat hubungan saya?

Adalah penting untuk anda maklumkan jabatan Khidmat Pelanggan (Customer Care) kami atau jabatan Hubungan Klien (Client Coverage) kami secepat mungkin jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan tepat pada masanya.

#### 7. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda menghadapi masalah membuat bayaran balik, sila hubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pelan pembayaran alternatif.
- Jika anda mempunyai sebarang persoalan atau aduan tentang produk atau perkhidmatan kami, sila hubungi:

Maybank Group Customer Care

Talian : 1-300 88 6688 (Malaysia)

Talian : +603-7844 3696 (Luar Negara)

E-Mel : [mgcc@maybank.com.my](mailto:mgcc@maybank.com.my)

- Jika persoalan atau aduan anda tidak mendapat penyelesaian yang memuaskan dari kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465

Faks : +603-21741515

E-Mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### 8. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang produk kami, anda boleh melawat laman sesawang korporat kami di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)

#### Penafian:

Maklumat yang tertera di sini adalah maklumat am dan mungkin tidak berkenaan dengan keperluan khusus anda. Kami mengesyorkan pihak anda untuk mendapatkan nasihat kewangan pihak bebas sebelum menerima kemudahan di atas.

Maklumat di dalam helaian maklumat produk ini sah pada September 2019 dan tertakluk kepada perubahan dari pihak Maybank dari masa ke semasa.